



PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN

PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A41



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

Pendahuluan

Peperiksaan ini bertujuan mengukur daya pemikiran serta kebolehan calon mengaplikasi maklumat yang diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman. Calon-calun yang menduduki peperiksaan adalah dari pelbagai jurusan. Maka soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas.

Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi seorang Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41. Peperiksaan ini melibatkan 2 bahagian berasingan. Setiap bahagian adalah penting kerana mengukur calon dalam satu atau dua aspek sahaja. Calon-calun perlu menunjukkan prestasi yang baik bagi kesemua bahagian. Jika prestasi yang sangat baik dipamerkan pada satu atau dua bahagian sahaja maka prestasi keseluruhan calon kurang memuaskan. Namun, jika calon mendapat markah yang menggalakkan bagi setiap bahagian, maka prestasi keseluruhan dianggap baik. Oleh itu, calon-calun dinasihatkan supaya tidak memfokuskan kepada bahagian tertentu sahaja.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calun yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berserta lulus dalam bahagian ini akan di panggil untuk temu duga.

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA GRED A41

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
 - a. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
 - b. Kad Pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon mesti berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum Peperiksaan dimulakan.
3. Calon mesti mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Ujian khas ini mengandungi **dua (2)** Bahagian iaitu :

Bahagian I - Ujian Psikologi
Bahagian II - Kecenderungan

BAHAGIAN I

Sahsiah

BAHAGIAN II

Seksyen A - Pengetahuan Am
Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah / Mathematics and Problem Solving
Seksyen C - Kefahaman Bahasa Inggeris

BAHAGIAN I

Mengukur gagasan personaliti calon iaitu kepimpinan, kebolehan sosial, komunikasi, toleransi, kerjasama, kestabilan emosi, integriti, disiplin dan kejujuran.

Masa : 20 minit
Soalan : 94 (aneka pilihan)

BAHAGIAN II

SEKSYEN A – PENGETAHUAN AM

Ujian ini mengandungi 50 soalan berbentuk aneka pilihan.

Calon dikehendaki mengetahui secara umum hal-hal yang berkaitan dengan bidang *air safety*, teknologi maklumat dan komunikasi, serta lain-lain perkembangan semasa.

Masa : 40 minit
Soalan : 50 soalan aneka pilihan

CONTOH SOALAN :

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai juga dikenali sebagai

- A. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Petra
- B. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail**
- C. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Azlan Shah
- D. Lapangan Terbang Antarabangsa Tengku Ibrahim

SEKSYEN B – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH / MATHEMATICS AND PROBLEM SOLVING

Ujian ini mengandungi 40 soalan berbentuk aneka pilihan.

Seksyen ini bertujuan menguji kebolehan daya menyelesaikan masalah, kecekapan memahami permasalahan dan menguji kebolehan calon membezakan antara pertalian dan simbol abstrak. Seksyen ini akan diuji di dalam Bahasa Inggeris.

Masa : 45 minit
Soalan : 40 soalan aneka pilihan

CONTOH SOALAN :

If $16 \times 16 \times 16 = 8 \times 8 \times P$, then $P = ?$

- A 4
- B 8
- C 48
- D 64**

SEKSYEN C – KEFAHAMAN BAHASA INGGERIS

Aspek yang diukur ialah:

- (i) Kemahiran memindahkan maklumat;
- (ii) Kefahaman
- (iii) Kemahiran tatabahasa dan kosa kata

Masa : 30 minit
Soalan : 25 soalan aneka pilihan

CONTOH SOALAN :

No Footwear Beyond This Point

Choose the statement that best explains the sign.

- A **Please remove your shoes before entering.**
- B Please leave your belongings at the security before entering.
- C You are not allowed to shop here.
- D You are not permitted to smoke here.

NOTA :

Hanya calon yang **LULUS** Bahagian I dan II (Bertulis) akan dipanggil menduduki Bahagian III (Ujian Lisan).

BAHAGIAN III (PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI)

ORAL COMMUNICATION (APPTITUDE TEST)

Ujian ini bertujuan untuk menguji kebolehan seseorang calon untuk membaca dan memahami maksud perkataan dan idea yang berkaitan dengannya.

Ujian ini mengandungi 3 seksyen iaitu:

- i. Seksyen A
- ii. Seksyen B
- iii. Seksyen C

Ketiga-tiga seksyen adalah berkenaan dengan perhubungan lisan (Oral Communication). Ianya juga adalah untuk menguji kebolehan seseorang calon bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan lancar dan fasih. Ini adalah untuk memastikan bahawa calon-calon mempunyai suara yang terang dan tegas supaya juruterbang dapat memahami arahan-arahan dengan jelas.